

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : 29 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kanak-kanak bantut dalam kalangan keluarga B40 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi isu ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Data bulan Januari hingga September 2021 oleh klinik kesihatan di Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menunjukkan terdapat 145 orang daripada 29,060 orang (0.5%) kanak-kanak dikesan mengalami masalah bantut.

2. Namun dalam pengesanan aktif kes harian di semua klinik kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, seramai 150 orang kanak-kanak daripada kalangan keluarga B40 dikesan mengalami bantut. Kanak-kanak dari keluarga miskin tegar dan miskin akan diberi bantuan bakul makanan yang bernilai RM200 setiap bulan sehingga mereka pulih. Kanak-kanak ini menerima pemeriksaan kesihatan dan status pemakanan secara bulanan semasa lawatan ke klinik kesihatan atau lawatan ke rumah. Ibu bapa/ penjaga kepada kanak-kanak tersebut akan diberi tunjuk ajar kesihatan dan pemakanan seperti demonstrasi masakan dan dirujuk kepada pegawai perubatan dan *nutritionist* untuk runding cara pemakanan.

3. Kementerian Kesihatan sentiasa menjalankan aktiviti advokasi pemakanan secara berterusan kepada masyarakat bagi mencegah dan mengurangkan masalah kekurangan zat makanan seperti kurang berat badan, kurus (susut) dan bantut dalam kalangan kanak-kanak. KKM juga maklum mengenai faktor ekonomi keluarga yang berpendapatan rendah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur juga merupakan salah satu punca utama kepada masalah ini.

4. Program serta aktiviti yang sedang dijalankan bagi mengatasi masalah bantut di kalangan kanak-kanak adalah seperti :

- (i) Menjalankan pemantauan peningkatan berat badan semasa hamil mengikut saranan bagi memenuhi keperluan tumbesaran janin yang optima.

SOALAN NO : 43

- (ii) Sesi dialog dan latihan mengenai pertumbuhan dan pemakanan bayi dan kanak-kanak bersama ibu bapa yang menghantar anak ke TASKA.
- (iii) Advokasi pemakanan dan kesihatan kepada ibu mengandung dan ibubapa/ penjaga yang mempunyai anak berusia dua (2) tahun melalui penyebaran bahan advokasi konvensional pemakanan dan kesihatan seperti risalah, buku kecil, poster, *flyers*, gegantung, *e-book* dan infografik kepada pihak TASKA, fasiliti kesihatan dan komuniti serta sesi bual bicara/ dialog/ webinar turut diperhebatkan di radio dan televisyen, media sosial Bahagian Pemakanan, Kementerian Kesihatan serta Cawangan Pemakanan, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- (iv) Sesi libat urus dan aktiviti advokasi turut dijalankan bersama agensi kerajaan dan swasta, pertubuhan profesional kesihatan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO).
- (v) Aktiviti strategik bersama para akademik daripada universiti tempatan dalam menjalankan aktiviti pencegahan.

Sekian, terima kasih.